



KUMPULAN YAYASAN SABAH

Menara Tun Mustapha

Kompleks Ibu Pejabat Yayasan Sabah

Teluk Likas, Peti Surat 11623

88817 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Tel: 6 088 326300 Faks: 6 088 326424

E-mel: ysinfo@ysnet.org.my

Laman Web: <http://www.yayansabahgroup.org.my>

SIARAN MEDIA

[MEDIA RELEASE/STATEMENT]

UNTUK SIARAN SEGERA

13 April 2022

MAJLIS IFTAR KUMPULAN YAYASAN SABAH DI KOTA BELUD

KOTA BELUD (Rabu): Kumpulan Yayasan Sabah telah menganjurkan Program Iftar (berbuka puasa) pada 12 April 2022 bertempat di Masjid Al-Asdi, Kg. Tawadakan, Kota Belud. Program yang dianjurkan menerusi pejabat Zon Pantai Barat Utara Kumpulan Yayasan Sabah ini turut menyaksikan seramai 100 orang dari sekitar Kg. Kawasan Tawadakan menghadiri majlis berbuka puasa tersebut.

Pada majlis yang sama, Kumpulan Yayasan Sabah turut menyampaikan sumbangan kepada Masjid Al-Asdi yang telah disampaikan oleh Encik Hanafiah Diman selaku Setiausaha Korporat Yayasan Sabah, yang mewakili Pengarah Yayasan Sabah.

Program Berbuka Puasa Kumpulan Yayasan Sabah merupakan salah satu program yang diadakan setiap tahun yang bertujuan untuk memberikan sumbangan kebajikan kepada golongan yang kurang bernasib baik, menyediakan bahan makanan khasnya untuk golongan yang memerlukan di samping memupuk silaturahim antara Kumpulan Yayasan Sabah dan masyarakat.



Gambar 1: Encik Hanafiah (tiga dari kanan) menyampaikan sumbangan Kumpulan Yayasan Sabah kepada Pemimpin Kemajuan Masyarakat N.8 Pintasan, Encik Husaini Masli sambil disaksikan oleh Tuan Haji Jamri bin Asoi (dua dari kiri), Pengerusi Masjid Al-Asdi.



Gambar 2: Masyarakat Kg. Tawadakan berbuka puasa bersama warga Kumpulan Yayasan Sabah.

-----TAMAT-----

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Sam S. Karnail
Pengurus Kumpulan
Bahagian Komunikasi Korporat
Kumpulan Yayasan Sabah
Tel. : 088-326448
Faks : 088-421526/088-326424
Emel : ynwaskarnail@gmail.com